

Sultan Johor kritik Zamihan

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/sultan-johor-kritik-zamihan-1.537847>

15 Oktober 2017 3:00 AM

BATU PAHAT 14 Okt.- Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan

Iskandar menyelar pegawai kementerian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Dr. Zamihan Mat Zin yang mengkritik tindakan baginda susulan isuDOB Mesra Muslim yang kontroversi baru-baru ini.

SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR

Sultan Ibrahim

menyifatkan gaya percakapan Zamihan ketika menyampaikan ceramahnya berkaitan isu berkenaan amat angkuh dan sombong seolah-olah hanya beliau seorang yang betul dan pada masa yang sama mencercabangsa lain.

Sehubungan itu, baginda menyifatkan Zamihan ibarat tin

kosong dan tidak memiliki otak sudah pandai berbohong apabila dikecam orang ramai.

“Beberapa orang mufti dan pakar agama

jugataheluar pandangan hujah mereka berkaitan perkara ini, namun malangnya ada pula

seorang penceramah bernama Ustaz Zamihan yang mengkritik tindakan sayadan memperlekeh mufti-mufti tersebut.

“Setelah dikecam orang ramai dia fimenyebut perkara itu, nampaknya ustaz ini dah pandai berbohong

pula, macam manakita nak belajar dengan dia. Ja-ngannak temberang dengansaya, lepas ini cukuplah,

berce-ramah depan cermin sahaja untuk kenali diri sendiri,”

titah baginda dalam Majlis Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Ke-17, di sini hari ini.

Walaupun bagaimanapun, Sultan Ibrahim bertitah,

baginda tidak mahuperkaraitudipanjangkan dan memaafkan Zamihan di

samping menasihatkan beliau menjaga adab dan tutur kata apabila bercakap di hadapan khalayak.

Sultan Ibrahim mengaku boleh mendengar pandangan yang

diberikan terhadapnya namun buka dengancara yang kurang ajar.

“Kalaubetuldia penceramah Jakim sayatidak tahudarimana Jakimpungut dia,

selepas ini jugasaya mengarahkan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) tidak perlulagibuang masa berurusan dengan Jakim dan Jakim jugatak perlulagiberipandangan kepada negeri Johor.

“Sayajugamahum mengingatkan JAINJ supaya semak dan pantaupenceramah yang bercakap di Johor,

jika ada yang tidak betul batalkanterustauliah mereka,” titah Sultan Ibrahim.

Artikel Penuh: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/sultan-johor-kritik-zamihan-1.537847#ixzz4wVEf4YYY>

© Utusan Melayu (M) Bhd